

Khair letak jawatan dalam BN, Umno

Bekas MB minta maaf prestasi buruk di Selangor, Muhammad ambil alih tugas parti

Oleh Tuan Nazuri Tuan Ismail
dan Rafidah Mat Ruzki

SHAH ALAM: Bekas Menteri Besar, Datuk Seri Dr Mohamad Khir Toyo (**gambar**) meletakkan jawatan sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno dan Pengerusi Barisan Nasional (BN) Selangor, berkuat kuasa semalam.

Ketika mengumumkan peletakan jawatannya di sini malam tadi, beliau berkata keputusan itu diambil atas rasa tanggungjawabnya berikutan kekalahan teruk BN pada pilihan raya umum di Selangor pada 8 Mac lalu.

Bagaimanapun beliau terus sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Sungai Panjang.

Pada pilihan raya umum itu, Dr



Mohamad Khir mengekalkan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Sungai Panjang selepas menewaskan calon Pas, Mohd Fadzlin Taslimin dengan majoriti 5,828.

Berikutan keputusan Dr Mohamad Khir, Menteri Pembangunan Luar Bandar dan Wilayah yang juga Ketua Penerangan Umno, Tan Sri Muhammad Muhd Taib diberi tanggungjawab memegang kedua-dua jawatan itu.

"Saya mohon maaf kepada rakyat Selangor kerana prestasi buruk BN pada pilihan raya umum lalu dan akan terus berusaha tingkatkan keupayaan kita pada masa akan datang," katanya sejurus sebelum mempengerusikan buat kali terakhir mesyuarat Badan Perhubungan Umno Negeri di Bangunan Umno

Selangor di sini.

Dr Mohamad Khir yang sebak sepanjang sidang akhbar kira-kira 15 minit itu berkata, beliau sudah berbincang dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mengenai keputusannya beberapa hari lalu dan Presiden parti bersetuju melantik Muhammad untuk memegang kedua-dua jawatan berkenaan.

Bagi jawatan lain dalam parti beliau menyerahkan sepenuhnya kepada Muhammad bagi menentukan dalam usaha merampas semula negeri itu daripada pembangkang pada pilihan raya akan datang.

Katanya, beliau bimbang akan timbul perpecahan jika beliau lambat melepaskan kedua-dua jawatan itu, 'se-terusnya menjejaskan matlamat parti untuk merebut kembali Selangor.

"Saya berharap ahli Umno memberi sokongan padu kepada kepemimpinan baru dan memastikah usaha mendapatkan semula Selangor dapat dilaksanakan dengan baik," katanya.

Ditanya reaksi Presiden dan Timbalan Presiden parti mengenai peletakan jawatan itu, beliau berkata:

"Presiden dan Timbalan Presiden kata jika ini (meletak jawatan) keputusan terbaik untuk Selangor... saya rasa inilah cara yang terbaik," katanya sambil menambah tindakan itu diambil bukan kerana tekanan mana-mana pihak.

Beliau berkata, tindakan itu bukan dibuat secara terburu-buru tetapi kerana tidak mahu ada sikap saling salah menyalah antara satu sama lain yang didapati sudah pun mula berlaku.